



KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA  
**SIARAN MEDIA**

MOD.100-2/1/2 Jld 6 ( ) 01/08

**PROGRAM SIBER SIAGA 2024 MENJADI PLATFORM WACANA DALAM  
MEMPERKASAKAN KESEDARAN SIBER ANGKATAN TENTERA MALAYSIA**

1. KUALA LUMPUR, 7 Ogos 2024 - Timbalan Menteri Pertahanan, YB Adly bin Zahari telah merasmikan **Program Khusus Kesedaran Siber Angkatan Tentera Malaysia (ATM)** iaitu **SIBER SIAGA 2024** di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC), hari ini.
2. Seusai acara perasmian, Timbalan Menteri Pertahanan juga telah **mengikuti forum bertajuk "Securing The Quantum Future: Technology, Military and Regional Stability"** sebelum menyaksikan **Upacara Penyerahan Dokumen Kontrak Perolehan Network Convergence yang berlangsung** antara Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), YBrs. Dr. Mohd Bakhari bin Ismail mewakili **Kementerian Pertahanan dengan Naib Presiden Eksekutif mewakili TM One**, Puan Shazurawati binti Abdul Karim pada hari yang sama.
3. Penganjuran Program SIBER SIAGA 2024 dalam persidangan dan pameran Cyber Digital Service Defence and Security Asia 2024 (CYBER DSA 24) adalah merupakan program bertaraf antarabangsa di bawah **kelolan Bahagian Siber dan Elektromagnetik Pertahanan (BSEP)**, **Markas Angkatan Tentera Malaysia (MK ATM)** mulai 6 hingga 8 Ogos 2024.
4. Program ini **bertujuan meningkatkan tahap kesedaran keselamatan siber** dalam **memperkasa kawal selia ekosistem pertahanan siber negara** agar sentiasa terjamin dan terpelihara secara optimum. Tema yang dibawa adalah "**pendedahan impak teknologi yang tersembunyi dalam alam siber yang boleh mempengaruhi operasi ketenteraan dan kestabilan serantau dengan ketara**" selain "**pendedahan insiden siber yang tidak pernah didedahkan kepada umum.**"
5. Antara program utama SIBER SIAGA 2024 adalah meliputi **perbincangan ilmiah dalam bentuk forum melibatkan perkongsian pandangan serta perspektif baru** bagi mewujudkan bukan sahaja kesedaran tetapi juga memberi input yang lebih holistik melangkaui sempadan domain siber. Selain daripada wadah perbincangan ilmiah, beberapa aktiviti lain merangkumi **pameran produk keselamatan siber, produk integrasi pertahanan dan teknologi baru** yang bukan sahaja untuk kegunaan dalam negara malah boleh digunakan dengan serasi (*compatible*) oleh komuniti global amnya.
6. Program **SIBER SIAGA 2024** ini terbuka kepada masyarakat awam untuk melihat pameran **produk keselamatan siber** daripada 200 syarikat selain menyediakan peluang interaksi melibatkan 1,000 orang ahli profesional, 18 universiti tempatan, agensi kerajaan serta warga ATM.

7. Pertahanan dan keselamatan ekosistem siber negara adalah merupakan tanggungjawab bersama dan tidak terletak semata-mata kepada ATM serta agensi siber yang berkaitan. Pihak kerajaan sentiasa merancang pelan tertentu serta bergerak ke hadapan dalam memastikan keselamatan ekosistem siber negara bukan sahaja relevan malah mampu meramal serta memberi tindak balas terhadap sebarang ancaman yang mendatang.
8. Semua agensi berkaitan siber perlu sentiasa bersatu dan berganding bahu melalui pendekatan *Whole of Government* dan *Whole of Society* (WoGoS) dalam memastikan kemampanan keselamatan ekosistem siber negara ini demi menghindari ancaman peperangan atau serangan yang dibuat secara hibrid terhadap nilai teras keselamatan negara seperti yang termaktub dalam Dasar Keselamatan Negara 2021-2025.
9. Turut hadir sewaktu kelangsungan majlis perasmian ini adalah Timbalan Panglima Tentera Darat; Leftenan Jeneral Dato' Tengku Muhammad Fauzi bin Tengku Ibrahim, Timbalan Panglima Tentera Laut; Laksamana Madya Dato' Zulhelmy bin Ithnain, Timbalan Panglima Tentera Udara; Leftenan Jeneral Dato' Sri Haji Muhamad Norazlan bin Aris TUDM, Ketua Pengarah BSEP; Laksamana Muda Dato' Pahlawan Mohd Fadzli Kamal bin Mohaldin, Pegawai-pegawai Kanan ATM serta warga ATM sekitar Kuala Lumpur.

**-TAMAT-**

**“MALAYSIA MADANI”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“PERTAHANAN NEGARA, TANGGUNGJAWAB BERSAMA”**

---

**Kementerian Pertahanan Malaysia**  
Dikeluarkan pada 7 Ogos 2024